

# Usul Hassan Ali 'makan diri sendiri'

7 NOV 2002

**K**UALA LUMPUR 6 Nov. — Tindakan Datuk Dr. Hassan Mohd. Ali (Pas-Parit Buntar) membawa usul potong gaji Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad RM10 di Dewan Rakyat hari ini ternyata 'makan diri sendiri'.

Ini berikutan, beberapa penyokong kerajaan membidas Hassan habis-habisan dalam sesi perbahasan usul berkenaan dengan membangkitkan isu penglibatan beliau dalam aktiviti penerokaan tanah secara haram di Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

Dewan kemudian menolak usul tersebut.

Terdahulu, ketika membentangkan usul berkenaan di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (9), Hassan mendakwa Dr. Mahathir gagal menghadiri sidang Dewan Rakyat sepanjang penggal ini kecuali semasa membentangkan Bajet 2003 September lalu.

Dalam ucapannya, Hassan lebih menjurus mengkritik Perdana Menteri de-



Laporan NORAINI RAZAK dan HELMI MOHD. FOAD

ngan mendakwa beliau banyak menghabiskan masa dan membazir wang untuk melakukan lawatan ke luar negara menggunakan pesawat khas.

Hassan turut mendakwa banyak projek mega yang dilaksanakan oleh kerajaan antaranya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kompleks Sukan Bukit Jalil sebagai pembaziran

wang rakyat. Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed (BN-Shah Alam) bangun dengan mendakwa Hassan mempunyai niat tidak baik terhadap Dr. Mahathir apabila membawa usul memotong gaji Menteri Kewangan itu.

Sedangkan menurut beliau, syarikat milik Hassan, Sabha Management Sdn. Bhd. pernah menjalankan penerokaan tanah 6.4 hektar secara haram.

"Ini tidak mencerminkan sikap sebenar Ahli Parlimen Parit Buntar yang mempunyai niat tidak baik (terhadap Perdana Menteri), cakap dengan tidak ada asas.

"Yang Berhormat buat kerja haram, teroka tanah dan mengeluarkan hasil hutan tanpa membayar cukai," ujarnya.

Hassan yang tidak berpuas hati dengan perkara tersebut cuba memberikan penjelasan tetapi tidak diberikan laluan oleh Mohd. Zin.

Hassan terus berdiri dan memberitahu Speaker De-

wan Rakyat, Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail bahawa kes itu masih dalam peringkat mahkamah.

Suasana semakin hangat apabila Datuk Noh Omar (BN-Tanjung Karang) menyangkal penjelasan Hassan itu dan menyatakan beliau memiliki salinan faks yang menunjukkan syarikat milik Hassan itu sudah dikenakan kompaun RM3,000 kerana mengeluarkan hasil hutan secara haram.

"Yang Berhormat jangan jadi ayam jantan yang berkokok berderai-derai tapi ekor bergelumang dengan tahi," katanya.

Sementara itu, ketika menggulung perbahasan usul berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh berkata, apabila Menteri Kewangan tidak ada, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ditugaskan untuk menjawab sebarang soalan.

Dewan Rakyat menolak usul itu apabila semua ahli Parlimen Kerajaan sebulat suara menentang apabila undian dilakukan.